

Definisi menghina perlu diperjelas: Dr Mahathir

BH - 11/1/2019 m/s: 3

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, definisi perbuatan atau perkataan yang dianggap sebagai 'menghina' perlu dijelaskan.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini, pihak penguatkuasaan tidak memahami apa yang dianggap sebagai menghina.

"Jadi kita perlu *spell out* (nyatakan) apa perbuatan atau perkataan yang dianggap sebagai menghina.

"Saya sudah menyatakan bahawa di Malaysia, kita mengamalkan kebebasan bersuara, kalau bercajak perkara fakta, ia tak boleh disalahkan.

Amal kebebasan bersuara

"Sebaliknya, kalau kita tutup mulut semua orang sehingga apabila jenayah berlaku pun kita tak boleh sebut, ini akan berlaku ketidakadilan dalam negara kita," katanya sambil menambah, kerajaan perlu

melihat definisi mana lebih tepat.

Dr Mahathir yang ditemui selepas Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) 1/2019 di sini semalam, mengulas cadangan kerajaan menggubal satu akta baharu bagi melindungi, serta memelihara kemuliaan institusi diraja daripada dihina dan dipersenda.

Dalam artikel ditulis bekas Peguam Persekutuan di Jabatan Peguam Negara, Datuk Salleh Buang,



Kita perlu *spell out* apa perbuatan atau perkataan yang dianggap menghina"

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

berkaitan kesalahan menghina Raja, beliau berkata, kesalahan berkenaan terletak pada niat seseorang individu terhadap Raja yang dimaksudkan.

Contohnya, beliau berkata, niat 'mendatangkan kebencian atau penghinaan,' niat 'membangkitkan perasaan tidak setia,' niat 'menimbulkan perasaan tidak puas hati' atau niat 'menimbulkan perasaan tidak setia dalam kalangan rakyat' terhadap Raja berkenaan.